

31/01/1998

RRP kawal harga barang naik

PETALING JAYA, Jumaat - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bercadang memperkenalkan Harga Pemborong Disyorkan (RRP) bagi mengelak kenaikan mendadak harga barangan yang tiada dalam senarai kawalan.

Menterinya, Datuk Megat Junid Megat Ayob, berkata RRP akan membantu pengguna mengetahui harga sebenar barangan dan mengelak pemborong atau penjual mengaut keuntungan besar.

"Senarai RRP ini pada mulanya akan merangkumi barangan yang dibotol, dibungkus atau ditinkan seperti barangan minuman," katanya mengulas kemungkinan harga barangan dinaikkan selepas perayaan berkembar ini.

Bercakap di rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di sini hari ini, beliau berkata, pihaknya akan berbincang dengan pemborong bagaimana melaksanakannya.

"Misalnya, kos minuman botol 1.5 liter adalah RM1.10 sebotol, tetapi ada yang menjualnya dengan harga berlipat ganda, sampai RM10 di hotel," katanya.

Megat Junid berkata, adalah sukar mengawal harga barangan kerana hanya ada 20 jenis barangan yang diletakkan dalam senarai barangan kawalan dan 12 jenis dalam senarai harga barangan kawalan.

Pegawai kementerian sedang menyenaraikan semua barangan yang boleh diletakkan dalam RRP dan ia akan diserahkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)